



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

**INDEKS JUALAN RUNCIT
DAN
INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU PERTAMA 2021**

*RETAIL SALES INDEX
AND
FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
FIRST QUARTER 2021*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU PERTAMA 2021**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Pada suku pertama (Q1) 2021, prestasi Indeks Jualan Runcit (IJR) di Negara Brunei Darussalam terus menunjukkan peningkatan tahun-ke-tahun sebanyak 11.9 peratus dengan nilai jualan runcit dianggarkan sebanyak BND454.4 juta. Manakala bagi Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (IPM&M) pula, ianya juga telah meningkat sebanyak 11.6 peratus berbanding Q1 2020 dengan nilai hasil jualan dianggarkan sebanyak BND94.7 juta.
2. Bagi jualan runcit, kesemua aktiviti runcit telah menunjukkan peningkatan jualan, yang didorong terutamanya oleh jualan Jam Tangan dan Barang Kemas yang meningkat sebanyak 62.2 peratus, diikuti dengan jualan Tekstil, Pakaian dan Kasut sebanyak 52.0 peratus; jualan Perkakasan, Cat dan Kaca di kedai khusus (24.7 peratus); jualan Peralatan Elektrik dan Peralatan Pencahayaan Isi Rumah di kedai khusus (22.6 peratus); dan jualan di Gedung Serbaneka (12.6 peratus).
3. Manakala bagi Perkhidmatan Makanan & Minuman, peningkatan jualan adalah didorong oleh hasil jualan bagi Aktiviti Penyajian Minuman sebanyak 35.1 peratus, diikuti dengan Restoran sebanyak 12.5 peratus dan Kedai Makanan Segera (11.9 peratus).
4. Peningkatan jualan runcit dan jualan perkhidmatan makanan & minuman adalah selaras dengan kenaikan permintaan domestik bagi barangan dan perkhidmatan tertentu berikutan sekatan perjalanan keluar negeri.

5. Berbanding dengan suku keempat (Q4) 2020, Indeks Jualan Runcit (IJR) pada Q1 2021 telah menurun sebanyak 0.3 peratus, terutamanya disebabkan oleh penurunan jualan Peralatan Komputer dan Telekomunikasi sebanyak 21.0 peratus, diikuti dengan jualan Barangan Rekreasi sebanyak 10.7 peratus; Peralatan Perabot dan Rumah (8.7 peratus); Peralatan Elektrik dan Peralatan Pencahayaan Isi Rumah di kedai khusus (8.0 peratus); dan Pasar Raya (2.6 peratus).
6. Manakala bagi Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (IPM&M) pula, ianya juga telah mencatatkan penurunan sebanyak 1.6 peratus pada Q1 2021 berbanding Q4 2020 disebabkan oleh penurunan hasil jualan bagi Restoran sebanyak 2.6 peratus, diikuti dengan Aktiviti Penyajian Minuman sebanyak 2.1 peratus dan Kedai Makanan Segera sebanyak 0.3 peratus.
7. Indeks Jualan Runcit (IJR) dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (IPM&M) adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan gambaran bagi tren perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi setiap suku tahunan. Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui laman sesawang JPES: www.deps.gov.bn.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

RETAIL SALES INDEX AND FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
FIRST QUARTER 2021

BRUNEI DARUSSALAM

1. *In the first quarter (Q1) 2021, the performance of the Retail Sales Index (RSI) in Brunei Darussalam continued to show a year-on-year increase of 11.9 per cent with an estimated retail sales value of BND454.4 million. As for the Food & Beverages Services Index (F&BSI), it has also increased by 11.6 per cent compared to Q1 2020 with an estimated sales revenue of BND94.7 million.*
2. *For retail sales, all retail activities have shown an increase in sales driven mainly by the sales of Watches and Jewellery which increased by 62.2 per cent, followed by sales of Textiles, Wearing Apparel and Footwear by 52.0 per cent; sales of Hardware, Paints and Glass in specialized stores (24.7 per cent); sales of Electrical Household Appliances and Lighting Equipment in specialized stores (22.6 per cent); and sales in Department Store (12.6 per cent).*
3. *As for Food & Beverages Services, the increase in sales was attributed to the increase in sales revenue of Beverage Serving Activities (35.1 per cent), followed by Restaurants (12.5 per cent) and Fast-food Outlets (11.9 per cent).*
4. *This increase in retail sales and sales of food & beverages services was in line with the increase in domestic demand for certain goods and services due to travel restrictions abroad.*

5. *As compared to the fourth quarter (Q4) 2020, the Retail Sales Index (RSI) in Q1 2021 has recorded a decline of 0.3 per cent mainly due to decrease in sales of Computer and Telecommunication Equipment by 21.0 per cent, followed by sales of Recreational Goods by 10.7 per cent; Furniture and Household Equipment (8.7 per cent); Electrical Household Appliances and Lighting Equipment in specialized stores (8.0 per cent); and Supermarket (2.6 per cent).*
6. *As for the Food & Beverages Services Index (F&BSI), it has also recorded a decrease of 1.6 per cent in Q1 2021 compared to Q4 2020 mainly due to the decrease in sales revenue of Restaurants by 2.6 per cent, followed by Beverage Serving Activities by 2.1 percent and Fast-food Outlets by 0.3 per cent.*
7. *Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) are preliminary indicators of economic performance for both activities and outlook for consumer spending trends in Brunei Darussalam on a quarterly basis. Full reports of both activities are available from DEPS's website: www.deps.gov.bn.*